



MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI JOHOR

KENYATAAN SEBUT HARGA

Pembekal/Syarikat Bumiputera yang berpengalaman serta berkeupayaan dan berdaftar dengan Kementerian Kewangan di bawah kod bidang berkaitan dengan pendaftaran yang masih sah laku tempohnya adalah dipelawa untuk membuat tawaran harga bagi bekalan berikut :-

BIL.	NO. SEBUT HARGA	PERIHAL SEBUT HARGA	HARGA DOKUMEN / TARIKH MULAI DIJUAL	SYARAT PENDAFTARAN
1.	MAIJ 3/901/2 (02/2023)	MEREKABENTUK, MEMBEKAL, MENCETAK DAN MENGHANTAR KEPERLUAN CENDERAHATI BERBENTUK SAMPUL DUIT RAYA KEPADA PEMBAYAR-PEMBAYAR ZAKAT, BAITULMAL DAN WAKAF SEMPENA BULAN RAMADAN UNTUK IBU PEJABAT DAN DAERAH MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI JOHOR BAGI TAHUN 2023	RM 30.00	Pembekal Bumiputera yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia yang masih berkuatkuasa di bawah Kod Bidang:  221601 - Mencetak Buku, Majalah, Laporan Akhbar atau 221615 - Rekabentuk Percetakan
2.	MAIJ 3/901/2 (03/2023)	MEMBEKAL DAN MENGHANTAR KEPERLUAN CENDERAHATI BERBENTUK KURMA KEPADA PEMBAYAR-PEMBAYAR ZAKAT, BAITULMAL DAN WAKAF SEMPENA BULAN RAMADAN UNTUK IBU PEJABAT DAN DAERAH MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI JOHOR BAGI TAHUN 2023	18/01/2023 (Rabu)	Pembekal Bumiputera yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia yang masih berkuatkuasa di bawah Kod Bidang:  030201 - Cenderamata dan Hadiah

- Dokumen Sebut Harga boleh dibeli pada waktu pejabat di Ibu Pejabat Majlis Agama Islam Negeri Johor, Tingkat 5, Blok B, Pusat Islam Iskandar Johor, Johor Bahru dari jam 9.00 pagi – 4.00 petang (Ahad hingga Rabu) dan 9.00 pagi – 3.00 petang (Khamis). Sila bawa **DOKUMEN ASAL** iaitu Surat Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan Malaysia (KKM) dan Sijil Pendaftaran Syarikat daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Sekiranya syarikat ingin mewakili bagi pembelian dokumen, wakil syarikat tersebut **DIWAJIBKAN** membawa bersama surat perwakilan syarikat dan cap syarikat sebagai bukti. Pihak MAINJ berhak menolak pembelian borang tersebut sekiranya dokumen-dokumen di atas tidak dikemukakan dengan sempurna.
- Bayaran bagi dokumen hendaklah dibuat dalam bentuk **draf bank** daripada bank yang berlesen dan beroperasi di Malaysia atau; **kiriman wang pos (money order)** atau **wang kiriman pos berpaling (postal order)**, dan dibayar atas nama **BAITULMAL JOHOR**.
- Tarikh tutup Sebut Harga: **29 JANUARI 2023 (AHAD) jam 12.00 tengah hari**. Dokumen yang dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri serta ditulis **No. Sebut Harga dan Perihal Sebut Harga** di sudut **sebelah kiri** sampul surat dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di **Aras 5, Blok B, Pusat Islam Iskandar Johor, Jalan Masjid Abu Bakar, 80000 Johor Bahru**.
- Pihak MAINJ tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau mana-mana tawaran atau memberikan apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran Sebut Harga.
- Pembekal menanggung sendiri semua kos yang terlibat berhubung dengan Sebut Harga yang disertainya.
- Syarikat juga boleh mengemukakan **Penyata Zakat Tahunan** dan **Resit Bayaran Zakat Terkini** bagi syarikat atau individu (sekiranya ada).
- Mana-mana Pembekal yang tidak menerima surat tawaran / panggilan daripada Pihak MAINJ dalam masa sembilan puluh (90) hari dari tarikh tutup iklan ini adalah dianggap tidak berjaya.

Dengan perintah

(HAJI ISMAIL BIN ABU)  
Ketua Pegawai Eksekutif  
Majlis Agama Islam Negeri Johor

